

CNS7441

U GB 18-08 001.49 BA833

bah

KERJASAMA TIGA PIHAK PERLU BAGI MEMBENTUK KERJASAMA TULEN

Mahathir - Kerjasama

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pengwujudan kerjasama yang tulen antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera memerlukan perhatian berat kerajaan, bumiputera dan bukan bumiputera.

+Kita(kerajaan) sememangnya berpendapat bahawa ketiga-tiga pihak ini mestilah memberi tumpuan kepada menentukan kerjasama ini adalah kerjasama yang betul, benar dan bukan pura-pura, +kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua di sini hari ini.

Beli au, diminta mengulas ucapan Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Tan Sri Wee Boon Ping, bahawa hanya dengan adanya kerjasama tiga pihak itu, barulah usahasama tulen antara bumiputera dan bukan bumiputera daripada segi ekonomi dapat dicapai.

Dr Mahathir menyifatkan ucapan Wee itu sebagai amat rasional dan mempunyai perhimpunan yang munasabah. -- Lagi

♥18/08/14-33MST

CNS7442

U GB 18-08 00131 BA834

bah

Mahathir - Kerjasama 2 Kuala Lumpur

Katanya, ucapan Presiden ACCCIM itu mencerminkan sikap baru di kalangan peniaga dan pengusaha Cina.

+Mereka kini lebih memahami dasar-dasar kerajaan dan lebih bertanggungjawab, + katanya.

Wee, dalam ucapannya berkata, peniaga-peniaga Cina di negara ini turut bertanggungjawab ke atas wujudnya usahasama dalam bentuk +AliBaba+ di antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera.

Katanya, ini kerana terdapat juga ramai orang Cina yang bekerjasama dengan bumiputera semata-mata ingin mengaut keuntungan daripada peluang dan hak keistimewaan bumiputera.

+Oleh itu, saya berpendapat bahawa untuk mencapai usahasama tulen antara bumiputera dan bukan bumiputera, peniaga-peniaga Cina haruslah mengikis sikap itu, + katanya ketika berucap di dalam Bahasa Mandarin yang diterjemahkan kepada Bahasa Melayu oleh seorang penterjemah pada majlis itu.

-- Lagi

♥18/08/14-34MST

CNS7444  
U GB 18-08 00157 BA835  
bah

Mahathir - Kerjasama 3 Kuala Lumpur

Wee berkata, orang Cina sepatutnya memandang bumiputera sebagai saudara dan menganggap tugas menjalankan projek-projek usahasama antara bumiputera dan bukan bumiputera sebagai satu kewajipan.

Katanya, bumiputera pula diharapkan bukan sahaja menerima kaum Cina sebagai adik beradik sekeluarga tetapi juga rakan kongsi yang boleh dipercayai.

Menurut beliau, hakikat itu boleh dicapai seperti mana sokongan padu yang ditunjukkan oleh rakyat pelbagai keturunan di negara ini ketika pasukan badminton Malaysia bertarung untuk merebut kembali Piala Thomas.

"Kita sememangnya telah menghayati semangat patriotik itu dan saya tidak nampak mengapa dalam bidang ekonomi pula kita tidak boleh sama-sama berganding bahu mencapai Wawasan 2020," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kerajaan bertindak menghapuskan punca terjadinya kerjasama yang tidak tulus dengan memastikan usahasama bumiputera dan bukan bumiputera yang ditubuhkan diberi peluang persaingan yang adil dan saksama dalam pemberian pinjaman, keutamaan cukai, lesen dan kontrak kerajaan. -- Lagi

▼18/08/14-35MST

CNS7446  
U GB 18-08 00134 BA836  
bah

Mahathir - Kerjasama 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagi pihak ACCCIM pula, Wee berkata, gabungan itu berjanji akan mencuba sedaya upaya untuk lebih mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara masyarakat perdagangan dan perindustrian Cina dengan pihak kerajaan serta kaum-kaum lain di negara ini.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan juga diharap menubuhkan sebuah badan perundingan dan penyeliaan yang keanggotaannya termasuk wakil-wakil sektor swasta untuk menjamin dasar ekonomi negara dapat dilaksanakan dengan lancar.

Kongres dua hari itu yang bertemakan "Pembangunan Negara Ke Arah 2020" dihadiri kira-kira 1,000 orang perwakilan termasuk usahawan-usahawan yang berjaya, golongan akademik ekonomi, wakil-wakil Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Dengan itu, menurut Wee, rumusan dan cadangan kongres itu lebih menyeluruh, sempurna dan bererti untuk dilaksanakan. -- Bernama

▼18/08/14-35MST